

# Tiada kasih IBU BAPA



**BERSAMA  
KAUNSELOR**

**Pn Siti Fatimah  
Abdul Ghani**

Kaunselor Berdaftar  
Seksyen Kaunseling Pelajar,  
Universiti Putra Malaysia  
sitifatimah@upm.edu.my

## Anak sulung terkilan tidak dapat bermanja sejak kecil

**?** Sepanjang mengikuti ruangan ini, saya lebih berani mengajukan permasalahan yang sekian lama menghantui diri. Sebelum ini, saya merasakan ia bukanlah isu penting dan mampu menghadapinya. Namun, selepas mengikuti ruangan ini, saya sedar perlu mendapatkan bimbingan dan panduan untuk mengurangkan perasaan gelisah saya.

Sebagai anak sulung dalam keluarga, saya amat terpinggir kasih sayang ibu dan ayah sejak kecil. Saya dan adik-adik dibesarkan nenek di kampung dan hanya berjumpa ibu dan ayah ketika mereka pulang menjenguk kami.

Sepanjang tempoh itu, saya lebih rapat dengan nenek berbanding ibu dan ayah. Dalam usia kanak-kanak, banyak masa dihabiskan di kampung sedangkan ibu dan ayah tinggal berjauhan. Kini saya sudah remaja, namun kesannya masih terasa hingga sekarang.

Saya sedih dan terkilan dengan sikap ibu dan ayah.

Masih saya ingat, nenek adalah orang yang menemani ketika saya demam dan sakit. Nenek sentiasa di sisi saya sedangkan ibu dan ayah hanya menjenguk mengikut kelapangan mereka.

Memang ibu dan ayah membiayai kos sara hidup kami, tetapi saya berasa terpinggir. Tanpa mereka sedari, saya menjadi gadis yang agak kasar dan tidak pandai bersosial, malah saya ibarat robot yang hanya mengikut arahan ibu dan ayah.

Mereka juga agak dingin dengan saya dan tidak pernah memanjakan atau bernesra dengan saya sejak masih kanak-kanak. Disebabkan itulah saya lebih selesa dan mesra dengan nenek. Apakah yang boleh saya lakukan bagi mengurangkan perasaan terpinggir ini?

**ANAK TERPINGGIR,  
Negeri Sembilan**

**!** Jutaan terima kasih kerana adik sudi berkongsi masalah. Saya ingin memberi fokus kepada beberapa aspek

penting dalam merapatkan hubungan kekeluargaan berbanding memperincikan situasi yang berlaku. Namun, peristiwa dan pengalaman bersama nenek banyak mencorakkan kemahiran sosial anda.

Memang, zaman kanak-kanak adalah waktu yang terindah dan ketika itulah perlunya 'keberadaan' ibu ayah di sisi. Pada asasnya, setiap ibu bapa yang memilih untuk cara hidup sedemikian disebabkan beberapa masalah.

Mungkin penjagaan di kampung disebabkan kesukaran kehidupan ibu dan ayah anda serta kekangan yang tidak dapat diatasi. Ini mungkin boleh diterima.

Tetapi, jika hanya dijadikan alasan sukar untuk menjaga anak kecil atau sikap tidak mahu belajar menyesuaikan diri dengan tanggungjawab, alasan itu tidak munasabah.

Insan yang menjadi mangsa ialah anak-anak kerana kurangnya kasih sayang dan perhatian ibu dan ayah. Sesekali berjumpa itu

bukanlah tempoh yang sesuai atau mencukupi dalam proses mendidik anak-anak dengan kasih dan sayang.

Mungkin ada sedikit kesilapan dari sudut kemahiran keibubapaan atau sekadar mencari alasan. Namun, jika ibu bapa benar-benar terdesak ketika itu, penjagaan anak kepada nenek adalah pilihan terbaik.

Saya suka memetik peribahasa Melayu iaitu 'buang yang keruh, ambil yang jernih'. Jika ibu bapa anda pernah melakukan kesilapan dalam keibubapaan, sebagai anak, peranan dan tanggungjawab anda tetap sama iaitu taat dan menghormati ibu dan ayah.

Perasaan terpinggir itu boleh dikurangkan dengan syarat ada usaha berterusan daripada anda untuk merapatkan hubungan dengan ibu dan ayah. Pelbagai pendekatan boleh dilakukan bagi tujuan itu antaranya bertanya khabar, berkomunikasi, berkongsi cerita dan pengalaman anda, bercuti bersama-sama, keluar ber-



melainkan kembali kepada Allah SWT. Setiap yang berlaku itu adalah rahsia Allah tanpa kita ketahui apakah pengajaran yang boleh diambil menerusi pengalaman itu.

Oleh itu, panjangkanlah doa agar ditunjukkan jalan sebenar untuk mewujudkan kemesraan dalam keluarga kerana ternyata adik-adik yang lain turut merasai pengalaman itu.

Jika perlu, berkongsilah rasa kesunyian itu dengan adik-adik yang lain atau bersama nenek. Sesungguhnya nenek amat memahami isi hati memandangkan dialah orang yang membesarkan, membelai dan memeluk anda.

sama atau meluangkan masa melakukan hobi atau aktiviti kekeluargaan. Bunyinya agak mudah, namun ternyata sukar jika tidak diusahakan.

Pada peringkat awal, mungkin agak kekok untuk melakukannya kerana perasaan terpinggir dan kurang mesra itu sudah lama terbentuk. Namun, sampai bilakah ia perlu begitu? Tanpa usaha, pastinya sesuatu itu tidak akan pernah berubah.

Banyak berdoa kepada Allah SWT agar hubungan kekeluargaan antara anda dengan ibu bapa kembali mesra dan diredai. Inilah tempoh masa yang ada. Kesempatan dan nikmat usia yang dimiliki usah dipersiapkan. Manfaatkan untuk memperbetulkan keadaan dan kemesraan kembali terjalin.

Perlu difahami di sini bahawa tiada tempat lain untuk kita memohon restu dan reda

Luahan perasaan boleh mengurangkan rasa kosong dalam diri. Sebolehnya, anda berusaha untuk bernesra dengan ibu dalam apa jua cara agar keakraban itu wujud secara semula jadi. Tekadkan niat dalam hati untuk mengeratkan silaturahmi antara kalian.

Kembalikan dan wujudkan suasana harmoni dalam keluarga dalam kesempatan masa yang masih berbaki. Perkara paling penting sekali, pertingkatkan kemahiran diri sendiri untuk menjadi anak yang taat dan mendoakan kebaikan buat ibu bapa.

Usahlah dipertikaikan perkara yang sudah berlaku, sebaliknya berusaha untuk melakukan yang terbaik demi hubungan kekeluargaan yang lebih mantap pada masa akan datang. Latih diri untuk menjadi anak yang hormat kepada ibu bapa.